

12/01/2005

10,192 mangsa banjir belum terima bantuan

By Zulkofli Jamaludin

HAMPIR semua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) dan pegawai kanan negeri di Terengganu dilengkapi Nokia Communicator bagi kemudahan komunikasi, terutama untuk menghantar dan menerima khidmat pesanan ringkas (SMS), faks serta e-mel.

Telefon bimbit canggih itu dianggap pejabat bergerak yang tidak pernah berpisah dengan pemilikinya, menggambarkan pemimpin dan pegawai di negeri ini celik teknologi dan proaktif dalam setiap urusan rasmi serta tugas di luar waktu pejabat.

Di sebalik penggunaan alat perhubungan canggih itu, penulis ingin membangkitkan dua perkara yang agak lambat diberi perhatian sehingga boleh menjejaskan imej kerajaan negeri yang katanya memberi penekanan terhadap keberkesanan sistem penyampaian kerajaan.

Pertama, ketika menghadiri majlis di dewan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam (LKPI) di Kampung Binjai Rendah, Marang, Jumaat lalu, penulis melihat gambar bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, yang bersara dari politik pada 1999 masih tergantung di dewan berkenaan.

Walaupun sudah memasuki 2005, kita hairan bagaimana dewan dua tingkat yang sering digunakan untuk kegiatan parti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), masih meletakkan gambar Dr Mahathir yang bersara pada Oktober 2003 dan gambar Wan Mokhtar, sedang Unit Komunikasi Kerajaan Negeri dan Jabatan Penerangan mengedarkan gambar pemimpin negara dan negeri secara percuma.

Perkara kedua pula mengenai kelewatan pegawai daerah menghantar senarai nama ketua keluarga mangsa banjir kepada Jawatankuasa Bencana Negeri walaupun sudah diminta oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhtar Abdullah, pada 20 Disember lalu.

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri, Rosol Wahid, Ahad lalu berkata, Muhtar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negeri memberi tempoh seminggu kepada pegawai daerah menghantar nama bagi membolehkan bantuan banjir dapat disalurkan kepada lebih 1,600 keluarga.

Kelewatan itu menyebabkan bantuan RM2 juta disalurkan Kerajaan Pusat yang disampaikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada akhir Disember lalu, masih belum dapat diberikan kepada mangsa di seluruh negeri.

Berikutan itu, Rosol yang kesal dengan kelewatan berkenaan meminta semua pegawai daerah menghantar segera senarai nama bagi membolehkan kerajaan negeri memberi bantuan sebanyak RM500 kepada setiap keluarga mangsa.

Kelewatan itu tidak sepatutnya berlaku kerana alat perhubungan canggih yang dilengkapi kemudahan pengurusan maklumat, aplikasi dan dokumen, semuanya berada dalam poket, tanpa perlu berkejar ke pejabat jika ingin sesuatu maklumat.

Sebanyak 1,602 keluarga membabitkan 10,192 mangsa banjir dipindahkan ke pusat pemindahan atau rumah saudara kerana kediaman mereka di daerah Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Kemaman, Dungun, Setiu dan Besut, dinaiki air selama kira-kira seminggu, bulan lalu.

Bantuan segera perlu diberikan kepada penduduk yang mengalami kerugian disebabkan kerosakan harta benda dan hasil tanaman, bagi mengelak ada pihak mendakwa kerajaan sengaja melengah-lengahkan bantuan kepada penduduk tempatan.

Perkara ini dibangkitkan kerana hampir setiap hari sejak kejadian tsunami melanda rantau ini, termasuk negeri di utara Semenanjung, pelbagai

pihak di negeri ini menyalurkan bantuan wang, makanan dan pakaian sehingga masalah dihadapi mangsa banjir seolah-olah dilupakan.

Selain isu agihan bantuan banjir, isu lain yang agak `panas' di Terengganu sejak awal tahun ini ialah kutipan semula cukai taksiran atau cukai pintu mulai Januari 2005.

Selepas `digula-gulakan' pembangkang selama empat tahun kononnya cukai pintu kediaman di negeri ini dimansuhkan, rakyat kini sedar bahawa selama pemerintahan Pas cukai itu tetap ada, tetapi tidak dikutip daripada penduduk.

Tindakan itu menyebabkan kerajaan BN yang mengambil alih semula tampuk pemerintahan Mac 2004, terpaksa melupuskan tunggakan cukai pintu RM39 juta yang tidak dijelaskan rakyat negeri ini sejak lebih lima tahun lalu bagi membersihkan akaun pihak berkuasa tempatan (PBT).

Bagi menjelaskan kepada rakyat rasional cukai taksiran itu dikutip, kerajaan negeri melalui unit komunikasinya mengadakan beberapa siri ceramah bagi menerangkan mengapa cukai pintu dikutip semula.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Datuk Ahmad Said, berkata kerajaan mengutip semula cukai taksiran kediaman bagi membolehkan PBT mempunyai sumber kewangan mencukupi untuk menyediakan perkhidmatan.

Katanya, kadar cukai taksiran yang dikenakan itu adalah paling rendah di negara ini dan kerajaan negeri masih mengenakan kadar lama iaitu antara lima dan 10 peratus yang ditetapkan 15 tahun lalu.

Ketika pemerintahan Pas, cukai itu tidak dihapuskan kerana Seksyen 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976 memberi kuasa kepada semua PBT untuk mengutip cukai pintu bagi tujuan perkhidmatan.

Jika pemansuhan itu hendak dilaksanakan, Akta Kerajaan Tempatan perlu dipinda dan ia hanya boleh dilaksanakan di Dewan Rakyat, bukannya di Dewan Undangan Negeri (DUN) yang pernah dikuasai pembangkang.

Kegagalan mengutip cukai taksiran itu menyebabkan berlaku tunggakan sehingga PBT tidak dapat menjalankan tugas dengan berkesan, sedangkan kerajaan hanya mengenakan kadar minimum bagi memastikan penduduk turut sama bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keceriaan bandar.

Sekiranya orang ramai ingin hidup dalam persekitaran yang bersih dan diselia dengan baik, mereka harus membayar sedikit kos bagi menjaga kebersihan serta keindahan kerana tidak semua kemudahan kini boleh disediakan secara percuma.

(END)